

**NO. SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7501**

**SOALAN:**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh PDRM selain daripada meningkatkan rondaan untuk mengurangkan kes samun, curi kenderaan dan pecah rumah yang selalunya suspek sukar dikenal pasti.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa komited dan proaktif untuk mengurangkan kes jenayah selaras dengan objektif Kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah seluruh negara sebanyak 5% setahun. Dalam mencapai objektif ini pihak PDRM mengambil beberapa strategi baru dalam usaha untuk mencegah dan mengekang kes jenayah dari terus meningkat. Antara tindakan yang diambil seperti berikut:-**

- 1) Sebagai usaha yang lebih berkesan dan memberi impak yang menyeluruh terhadap aktiviti pencegahan jenayah khususnya untuk jenayah berat dan terancang, PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime (STFOC)*, *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* dan *Special Task Force For Antivice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* untuk memerangi jenayah berat dan pengedaran dadah dan kongsi gelap dan maksiat yang berlaku dalam negara.**
  
- 2) Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan berkereta di kawasan-kawasan tumpuan ramai dan tindakan '*stop and talk*' adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang**

strategik bersesuaian dengan konsep *"Police Omnipresence"* akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

- 3) Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik seperti tempat letak kereta dan seumpamanya merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah mewujudkan Bandar Selamat. Walaupun pemasangan CCTV bukan di bawah bidang kuasa polis tetapi dengan kerjasama agensi kerajaan, pemilik-pemilik premis persendirian, usaha ini telah berjaya membantu dalam pencegahan jenayah.
- 4) "Rakan Cops" telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang jenayah dan tindakan serta merta boleh diambil.
- 5) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) dengan menggunakan konsep *"Intelligence lead policing"* sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif .

- 6) Dengan pewartaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 yang berkuatkuasa mulai 2 April 2014 telah memberikan kesan yang positif dalam menangani jenayah berat dan terancang di seluruh Negara.**

**Adalah diyakini dengan segala tindakan yang proaktif yang diambil oleh pihak Kerajaan, kes jenayah di seluruh negara akan dapat dikurangkan dan keselamatan dan ketenteraman awam akan terjamin.**